



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

PANDUAN TEKNIK BIL. 1 TAHUN 2005

PENANAMAN BUNGA RAYA DI SELURUH NEGARA

1. Panduan Teknik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pihak berhubung dengan usaha untuk menggalakkan penanaman bunga raya sesuai dengan statusnya sebagai bunga kebangsaan Malaysia.
2. Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 8 Disember 2004 telah membuat pemerhatian bahawa bunga raya sebagai bunga kebangsaan Malaysia tidak lagi ditanam di negara ini. Sehubungan dengan itu, penanaman bunga raya perlu digalakkan di seluruh negara.
3. Bunga Raya atau *Hibiscus rosa sinensis* telah dipilih sebagai Bunga Kebangsaan pada 28 Julai 1960. Pemilihan bunga raya adalah berdasarkan kepada keunikan bunga merah yang melambangkan kekuatan dan keberanian. Bunga yang juga dikenali sebagai "Queen of Tropical Flowers" ini adalah bunga yang tergolong daripada keluarga Melvaceae yang mempunyai 300 spesies tumbuhan. Ia boleh tumbuh sehingga 3-5 meter tinggi dan mengeluarkan kuntuman bunga yang besar dan cantik dengan saiz di sekitar 25 sentimeter dan mempunyai warna yang ceria.
4. Kecantikan bunga ini telah menarik perhatian pembiak baka tumbuhan menghasilkan banyak hybrid yang mempunyai pelbagai saiz dan rupa bentuk yang menarik. Kuntuman bunganya hanya bertahan di sekitar 3 hari, bunga-bunga yang gugur akan digantikan dengan bunga-bunga baru yang berkembang hampir setiap hari. Bunga Raya juga telah digunakan sebagai simbol untuk logo, lencana, bendera, setem, sampul dan tekstail.
5. Bagi melaksanakan keputusan kerajaan dan mengembalikan kegemilangan bunga raya, beberapa langkah telah dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh semua pihak adalah seperti berikut:
 - a. *Bunga Raya hendaklah ditanam di kawasan-kawasan protokol dan kawasan-kawasan yang mempunyai prestij seperti bangunan-bangunan awam, sekolah, hospital atau pejabat kerajaan.*
 - b. *Taman-taman baru atau sudut-sudut khusus berkonsepkan bunga raya juga boleh dibina di beberapa taman awam peringkat bandar dan wilayah.*

- c. *Sebagai simbol keharmonian dan integrasi masyarakat Malaysia, bunga raya hendaklah digunakan sebagai elemen tanaman di kawasan pintu masuk atau kawasan tumpuan di taman awam.*
 - d. *Menyokong dan menggalakkan program khusus penanaman dan penghayatan bunga raya di sekolah-sekolah di kawasan pentadbiran masing-masing.*
 - e. *Menggalakan penyelidikan yang menghasilkan varieti atau hibrid bunga raya yang sesuai untuk kegunaan landskap.*
 - f. *Kaedah-kaedah baru penanaman dan persembahan (presentation) bunga raya juga akan digalakkan untuk membolehkan ia digunakan sebagai hiasan berpasu di kawasan-kawasan pejabat dan ruang-ruang perniagaan yang bersesuaian, terutamanya di kawasan tumpuan pelancongan yang mempunyai cahaya matahari yang mencukupi.*
 - g. *Mengadakan usaha promosi dan kempen di kalangan rakyat Malaysia dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan pihak swasta untuk menanam bunga raya sebagai hiasan berpasu atau di atas tanah sekurang-kurangnya pada satu sudut dalam premis masing-masing.*
 - h. *Mencadangkan supaya bunga raya dijadikan antara spesies rasmi untuk ditanam di dalam majlis-majlis rasmi kerajaan.*
 - i. *Penggunaan motif bunga raya hendaklah digalakkan pada pelbagai media cetak, karyaneka dan kerja-kerja kreatif lain bagi menzahirkan statusnya sebagai lambang kebangsaan dan keharmonian negara.*
 - j. *Rekabentuk penanaman bunga raya hendaklah ditelitikan supaya sesuai dengan penggunaan dan fungsi ruang di mana ia hendak ditanam. Jabatan atau Bahagian Landskap PBT boleh memberi nasihat teknikal untuk merealisasikan tujuan tersebut.*
6. Semua pihak dikehendaki mengambil tindakan diatas langkah-langkah yang perlu diambil bagi menggalakkan penanaman bunga raya sesuai dengan statusnya sebagai bunga kebangsaan di seluruh negara.

Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia
Kuala Lumpur
15 Februari 2005